

Seruan Adib kepada pencinta seni 'Atasi semua gejala yang merosakkan'

KE SUKSESAN
KUALA LUMPUR, Jumaat
— Menteri Penerangan,
Datuk Seri Mohd Adib
Adam hari ini mehyeru
para pencinta budaya ne-
gara ini supaya memper-
kayakan kesenian dan bu-
daya asli tempatan untuk
mengatasi ancaman
pengaruh budaya luar.

Beliau berkata, pengaruh
budaya luar akan menjajah
rakyat negara ini menerusi
teknologi komunikasi moden
yang membolehkan orang ra-
mai di sini menerima ran-
cangan televisyen luar negeri
secara terus-menerusi mene-

TELEVISYEN - MSIB
rusi satelit (DBS).

"Bayangkan anak-anak kecil
kita yang menonton filem ber-
bentuk lucu dari Denmark
bila teknologi DBS sampai ke
Malaysia," katanya.

Muzik asli
4 FEB 1984

Datuk Seri Mohd Adib berka-
ta, anak-anak perlu dilengkap-
kan dengan nilai-nilai budaya
tempatan supaya mereka da-
pat menilai budaya yang wa-
jar agar mereka tidak terikut-
ikut dengan budaya
masyarakat Barat.

B. Harian (M)
Berucap di majlis pertunju-
kan Seni Silat Cekak Malaysia
di sini petang ini, beliau me-
muji dayausaha persatuan-

PENCER SILAT
persatuan seni silat tanahair
untuk menghidupkan semula
kesenian itu supaya ia tidak
lenyap dari masyarakat tem-
patan yang sentiasa ditonjol-
kan dengan budaya asing.

Katanya, amatlah menyedihkan
bahawa pendedahan kepada bu-
daya asing melalui filem, majalah
dan lain-lain media menyebabkan
ramai anak muda melupai kese-
nian lama yang dicipta oleh gene-
rasi yang lebih awal dari mereka.

"Jika dulu seni silat adalah satu
kemestian yang dipelajari oleh se-
mua anak muda, sekarang ramai
yang tidak pernah melihat kese-
nian ini melainkan melalui wa-
yang-wayang lama," ujarnya.

Beliau berkata, Kementerian
Penerangan akan meningkatkan
usaha untuk menyedarkan masya-
rakat tentang budaya asli yang di-
warisi dari zaman silam.

Selain rancangan hibu-
ran yang diselit dengan
lagu-lagu dan tarian asli,
RTM juga menayangkan
rancangan muzik asli
dan akan menerbitkan
rancangan 'Sudut Seni'
mulai bulan ini.

Datuk Seri Mohd Adib
berkata, kesedaran ter-
hadap seni silat boleh di-
hidupkan semula jika ia
disebarkan seluas-
luasnya.

"RTM sedia membantu
dengan adegan silat yang
bermutu untuk drama
TV," ujarnya sambil
menyatakan keyakinan
bahawa seni silat boleh
digunakan untuk mena-
rik minat masyarakat
menyaksikan drama Me-
layu.

Beliau juga menyeru
badan-badan kesenian
supaya memberi sume-
ngan dalam penerbi-
tan rancangan-ran-
cangan tempatan RTM
kerana ia akan dapat
mempercepatkan pem-
bentukan budaya nasio-
nal yang benar-benar
mencerminkan masya-
rakat Malaysia.